



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
PENILAIAN MBE 22804 PROJEK SARJANA 2  
PROGRAM SARJANA PTV (KERJA KURSUS)  
FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL**

**1) Pengenalan**

MBE 22804 Projek Sarjana 2 adalah salah satu dari kursus teras program Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (Kerja Kursus) yang ditadbir secara pentaksiran kerja kursus sepenuhnya.

Pentaksiran markah MBE 22804 Projek Sarjana 2 terbahagi kepada dua komponen, iaitu

- i. Markah Penyeliaan : Interaksi dan Draf Laporan Akhir **(70 markah)**
- ii. Markah Sidang Penilaian Akhir : Persembahan dan Draf Laporan Akhir **(30 markah)**

**2) Borang Berkaitan**

- i. Borang Helaian Log (FPTV.PS.LOG)
- ii. Borang Semakan Soal Selidik (FPTV.PP.SSS.01)
- iii. Borang Pengesahan Penyelia Kebenaran Pembentangan (FPTV.PP.PS.B03)  
\*dilampirkan bersama Laporan Akhir PS2
- iv. Borang Pengesahan Ketua Panel Penilai (FPTV.KPP.PS2.1a)
- v. Borang Pengesahan Pembetulan PS 2 (FPTV.PP.PS.B04)
- vi. Borang Penyerahan PS Berjilid Keras (FPTV.PP.PSV.L01)
- vii. Borang Penilaian Pusat Pengajian Siswazah UTHM.  
-PS.04/02/2011(b1)  
- PS.04/02/2011(b2)  
- PS.04/02/2011(b3)


### 3) Panduan Umum

- Peperiksaan Akhir MBE 22804 Projek Sarjana 2 adalah dalam bentuk pembentangan lisan dalam sesi Sidang Penilaian Akhir Projek Sarjana 2. Pelajar wajib membentangkan dapatan Laporan Akhir sidang ini yang akan dipengerusikan oleh seorang Ketua Panel Penilai dan sekurang-kurangnya seorang ahli panel penilai yang dilantik oleh fakulti.
- Sidang Penilaian Akhir tersebut akan diadakan pada **Minggu 14**.
- Syarat layak menduduki sesi pembentangan Sidang Penilaian Akhir Projek Sarjana 2, pelajar perlu menyerahkan kepada Ketua Panel Penilai dan Ahli Panel Penilai pada **Minggu ke 12** ;
  - 1) Senaskah spiral binding Draf Laporan Akhir MBE 22804 Projek Sarjana 2
  - 2) Borang Pengesahan Penyelia
    - \*Guna borang **FPTV.PP.PS.B03**-Borang Pengesahan Penyelia
    - \* Pelajar mesti hadir tidak kurang dari 80% masa pertemuan yang ditentukan bagi sesuatu mata pelajaran.
  - 3) Sediakan satu kertas kerja teknikal tidak lebih **10 mukasurat** berkaitan dengan keseluruhan kajian.
- Gred pemarkahan adalah berdasarkan Peraturan Pusat Pengajian Siswazah Edisi 2011. Jadual gred seperti Jadual 1.

Jadual 1: Markah, Gred dan Pencapaian

<b>Marks</b>	<b>Grade</b>	<b>Grade Points</b>	<b>Achievement Level</b>
<b>85 - 100</b>	A+	4.00	Pass with Distinction
<b>80 - 84</b>	A	4.00	Pass with Distinction
<b>75 - 79</b>	A-	3.70	Pass with Distinction
<b>70 - 74</b>	B+	3.30	Pass with Merit
<b>65 - 69</b>	B	3.00	Pass with Merit
<b>60 - 64</b>	B-	2.70	Pass
<b>55 - 59</b>	C+	2.30	Fail
<b>50 - 54</b>	C	2.00	Fail
<b>45 - 49</b>	C-	1.70	Fail
<b>40 - 44</b>	D	1.00	Fail
<b>00 - 39</b>	E	0.0	Fail

■ Carta alir penilaian Projek Sarjana 2



#### 4) Tanggungjawab Ketua Panel Penilai(KPP)

- Mengambil maklum mengenai perlantikan sebagai **KPP**.Hubungi Ahli Panel Penilai (**APP**) untuk membuat perancangan / penjadualan.
- Menerima **Dua** naskhah Laporan Akhir daripadasetiap **pelajar** sebelum atau pada **minggu ke-12**.
- Menilai Laporan Akhir pelajar sekitar **minggu ke-13**.
- Mengarahkan pelajar menghantar **satu** naskhah Laporan Akhir kepada **APP**.
- Menyerahkan markah bersama-sama satu salinan borang-borang berikut kepada Pejabat FPTV Am (En. Mohd. Raimi bin A.Samat) sebaik sahaja tamat Sidang Penilaian Akhir.
- Borang-borang yang perlu diserahkan adalah seperti berikut:
  - i. **FPTV.PP.PS.B03**
  - ii. **FPTV.PP.PSV.04**
  - iii. **FPTV.KPP.PS2.1a**
  - iv. **FPTV.KPP.PS2.1b**
  - v. **FPTV.PS.PSV.02**
  - vi. **PS.04/02/2011(b1)**
  - vii. **PS.04/02/2011(b2)**
  - viii. **PS.04/02/2011(b3)**

#### 5) Tanggungjawab Penilai

- Mengambil maklum mengenai perlantikan sebagai **APP**. Hubungi **KPP** untuk membuat perancangan / penjadualan.
- APP menerima **satu** naskhah Laporan Akhir dari pelajar sebelum atau pada **minggu ke-12**.
- Menyemak dan menjalankan tugas penilaian pada tarikh dan masa yang telah ditentukan bersama **KPP** dan **APP**.

#### 6) Tanggungjawab Penyelia

- Menerima satu naskhah LaporanAkhir yang berjilid ‘spiral’ dari pelajar pada **minggu ke-12**.
- Membuat penilaian terhadap Laporan Akhir Pelajar berasaskan apa yang dihantar pada masa itu. Borang Penilaian Penyelia **PS.04/02/2011 (b1)**.
- Menyerahkan markah calon pelajarnya kepada **Pejabat Am FPTV pada minggu ke-12, iaitu sebelum Sidang Penilaian**.Penyerahan markah penyelia adalah prasyarat untuk sidang penilaian akhir /viva (mohon dipatuhi ‘deadline’).

- Menanda tangan borang **FPTV.PP.PS.B03** (yang di ‘bind’ bersama-sama naskhah laporan) sebagai perakuan pelajar layak dinilai.
- Membantu/menasihat pelajar dalam hal berkaitan sidang penilain akhir.
- Bertemu pelajar selepas sidang penilaian untuk membantu pelajar membuat pembetulan jika ada.
- Membantu pelajar dalam proses pembetulan berdasarkan komen dari sidang penilaian akhir.
- Setelah berpuas hati dengan pembetulan oleh pelajar, penyelia boleh memperakui bahawa Laporan Akhir layak diserahkan kepada FPTV.

**MAKLUMAN:**

- ***Ketua Panel Penilai Projek Sarjana 2 hanya perlu menghantar SATU SET markah Panel Penilai bagi setiap pelajar yang dinilai menggunakan borang PS.04/02/2011(a1), PS0.4/02/2011(a2), PS0.4/02/2011(a3) ke Pejabat Am Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.***